

## MEKANISME PELAKSANAAN MAJLIS SULH DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN

Hasnizam Bin Hashim<sup>i</sup>, Maizatul Farishah Binti Mohd Mokhtar<sup>ii</sup>, Norman Zakiyy Chow Jen T'chiang<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden). Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. hasnizam@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. maizatulfarisah@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. zakiyy@usim.edu.my

### Abstrak

Islam menganjurkan Sulh sebagai salah satu kaedah dalam menyelesaikan pelbagai konflik. Kaedah ini amat dianjurkan oleh perundangan Islam kerana ia bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah dan konflik tetapi yang lebih penting ialah ia dibuat dalam suasana yang harmoni, mesra dan tidak meninggalkan luka dan dendam kepada pihak-pihak yang berkonflik. Di bawah sistem perundangan Islam di Malaysia, sulh lebih tertumpu pemakaiannya kepada penyelesaian kes-kes perbalahan dan pertikaian berkaitan dengan kekeluargaan dan lain-lain seperti diperuntukkan dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri dan Undang-undang Keluarga Islam. Walaupun pensyariatian mengenai keutamaan sulh ini dinyatakan dengan jelas dalam nas-nas Syarak dan ianya dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah, namun suatu kaedah yang tersusun perlulah diwujudkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan ia benar-benar relevan serta dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan sekaligus dapat mencapai objektif yang diinginkan. Selaras dengan ini, Mahkamah Syariah di Malaysia termasuk Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, bagi tujuan melaksanakan sulh seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003 telah mewujudkan Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016) untuk menyelaras pelaksanaan proses atau peruntukan tersebut. Justeru, kertas kerja yang menggunakan pendekatan kualitatif ini akan menghuraikan mengenai prosedur atau tatacara tersebut dengan terperinci bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai pelaksanaannya. Kajian mendapati bahawa, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan pada ketika ini dapat mengendalikan kes-kes sulh dengan baik berdasarkan peruntukan undang-undang dan kaedah sedia ada. Adalah diharapkan melalui penerangan ini, pihak-pihak yang bertikai akan meyakini mekanisme proses sulh yang dilakukan dan menjadikan sulh sebagai pilihan bagi menyelesaikan konflik yang mereka hadapi.

Kata kunci: Majlis Sulh, mekanisme pelaksanaan, Jabatan Kehakiman Syariah, Negeri Sembilan.

### PENDAHULUAN

Pertikaian atau konflik yang berlaku dalam kehidupan seharian manusia adalah merupakan lumrah kehidupan. Konflik terjadi apabila berlaku ketegangan atau masalah di antara individu dengan individu lain berpunca daripada pelbagai faktor. Dalam menyelesaikan konflik dan pertikaian yang berlaku ini, Islam telah

mendatangkan beberapa kaedah utama yang dalam istilah modennya dikenali sebagai *Alternative Dispute Resolution* (ADR). Walaupun ADR ini, ada yang menganggapnya sebagai konsep yang berasal dari Barat, namun pada hakikatnya ianya bukanlah suatu yang asing daripada ajaran dan perundangan Islam. Dalam Islam, terdapat sekurang-kurangnya lima proses ADR iaitu Sulh, Tahkim, kombinasi Sulh dan Tahkim, Muhtasib dan Fatwa daripada Mufti atau Penetapan Majlis Fatwa. (Kamal Halili Hassan, 2010).

Sulh yang secara asasnya dapat difahami sebagai perundingan, mediasi, konsiliasi, dan kompromi. Sulh adalah merupakan cara yang paling asas dalam penyelesaian perselisihan dan pertikaian. Ianya adalah merupakan penyelesaian pertikaian secara damai dan meliputi kaedah penyelesaian seperti pengantaraan, perdamaian, perundingan dan kompromi. Di Malaysia, kaedah penyelesaian secara sulh atau mediasi ini dilaksanakan dan dipraktikkan di bawah sistem perundangan sivil dan juga syariah. Mahkamah Syariah di Malaysia telah diamanahkan untuk menyelesaikan perbalahan dan pertikaian di antara orang-orang Islam terutamanya yang berkaitan dengan kekeluargaan dan lain-lain seperti diperuntukkan dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-negeri, Undang-undang Keluarga Islam dan lain-lain. Serentak dengan ini sulh telah diperkanunkan dalam Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah/ Ordinan Acara Mal Syariah dan untuk mempercepatkan serta menyelaraskan pelaksanaan peruntukan tersebut maka satu kaedah prosedur Mal (sulh) diwujudkan. Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil berperanan menderafkan satu kaedah yang dinamakan sebagai Kaedah Prosedur Mal (Sulh) (Sheikh Ghazali Abdul Rahman, 2000).

Unit Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah di Negeri Sembilan telah ditubuhkan pada 1 September 2006. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan pada masa kini mempunyai lapan orang Pegawai Sulh yang ditempatkan di setiap Mahkamah Syariah di daerah-daerah di Negeri Sembilan. Setiap Mahkamah Syariah Daerah menempatkan seorang Pegawai Sulh untuk membawa kes-kes yang boleh Sulh di daerah tersebut. (<https://jksns.ns.gov.my/en/perkhidmatan/sulh-mediation>, 2021). Pelaksanaan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan adalah dipandu dengan peruntukan undang-undang dan kaedah atau garis panduan yang jelas dan teratur. Penulisan ini akan menghuraikan tentang perkara-perkara tersebut sebagai langkah asas bagi membincangkan perkara-perkara utama berkaitan pelaksanaannya. Adalah diharapkan melalui penerangan ini, pihak-pihak yang bertikai akan memahami dan meyakini mekanisme proses sulh yang dilakukan serta menjadikan sulh sebagai pilihan utama dalam penyelesaian sebarang pertikaian berhubung dengan hal-hal kekeluargaan yang mereka hadapi.

## DEFINISI SULH DAN MAJLIS SULH

Sulh adalah merupakan penamatan sesuatu pertikaian yang tidak melalui litigasi mahkamah. Dalam erti kata lain, penyelesaian dicapai antara pihak-pihak melalui proses rundingan damai. Ia melibatkan proses rundingan secara terpinpin dengan memberi peluang kepada pihak-pihak yang bertikai mencapai persetujuan bersama tanpa campur tangan pihak ketiga (lihat Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016)).

Sulh merupakan keputusan atau hasil daripada satu perdamaian atau persetujuan oleh pihak-pihak yang bertikai atau bersengketa hasil daripada Majlis Sulh. Majlis Sulh adalah proses bagi pihak-pihak yang terlibat dalam suatu pertikaian terhadap satu atau beberapa tuntutan di mahkamah syariah dipanggil dan dipertemukan dalam suatu majlis perundingan terpinpin secara rasmi, yang diatur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu, dan seandainya perdamaian tercapai melalui proses penyelesaian secara sulh, ia kemudiannya akan direkodkan sebagai suatu perintah Mahkamah tanpa perlu melalui proses perbicaraan biasa (lihat Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016)).

## DALIL PENSYARIATAN SULH

Sulh adalah merupakan jalan perdamaian atau penyelesaian pertikaian yang diiktiraf oleh syarak. Pada dasarnya, Islam telah menganjurkan Sulh ini berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran, al-Sunnah dan Ijma' para Sahabat (Mustafa al-Khind et al., 2013). Antaranya ialah firman Allah SWT dalam Sura An-Nisa 4:128:

وإن امرأة خافت من بعلها نشوراً أو إغراضاً فلا جناح عليهما أن يصلحا بينهما صلحاً وصالحاً خيراً وأحضرت الأنفس الشح وإن تحسنوا وتنفقوا فإن الله كان بما تعملون خبيراً

Maksudnya: *Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul daripada suaminya 'nusyuz' (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha mendalam Pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan.*

Rasulullah SAW bersabda:

الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا

Maksudnya: *Perdamaian (sulh) itu diharuskan (dalam urusan) di antara kaum Muslimin, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang halal.*

(Hadith Riwayat al-Tirmizi)

## **Peruntukan Undang-Undang bagi Pelaksanaan *Sulh* di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan**

Dalam aturan berkaitan sulh yang diaplikasikan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, beberapa peruntukan undang-undang utama dirujuk iaitu:

- 1) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003
- 2) Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016)
- 3) Buku Manual Kerja Sulh
- 4) Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Peruntukan kuasa bagi melaksanakan majlis sulh boleh dilihat dalam Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) Enakmen 14 Tahun 2003 yang menyatakan bahawa:

*Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak.*

Peruntukan Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) Enakmen 14 Tahun 2003 menjelaskan bahawa dalam kes mal, pihak-pihak yang mempunyai kes di Mahkamah Syariah berhak untuk menjalankan proses sulh sama ada melalui apa-apa peruntukan undang-undang iaitu melalui kaedah di bawah Enakmen Tatacara Mal tersebut atau jika tiada apa-apa kaedah bermakna perlu merujuk kepada kehendak hukum syarak.

Berdasarkan peruntukan di atas juga, kaedah dan beberapa arahan amalan telah dikeluarkan untuk Mahkamah membuat pelaksanaan proses sulh dan untuk memudahkan mana-mana pegawai yang dilantik sebagai Pengerusi Majlis Sulh dan Pendaftar menjalankan tugas. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2016. Berikut adalah merupakan susunan kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam Tatacara ini: (Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2016).

- 1) Nama dan permulaan kuat kuasa
- 2) Pemakaian dan ketidakpakaian

- 3) Tafsiran
- 4) Borang
- 5) Penubuhan Majlis Sulh
- 6) Permulaan Sulh
- 7) Tempoh Sulh
- 8) Perlanjutan Masa
- 9) Tatacara Sulh
- 10) Perjalanan Majlis Sulh
- 11) Perjanjian Penyelesaian
- 12) Penghakiman Pengakuan atau Persetujuan
- 13) Penamatan Majlis Sulh
- 14) Laporan Kegagalan Penyelesaian
- 15) Etiket Pegawai Sulh
- 16) Kerahsiaan
- 17) Perlindungan Pegawai Sulh

Dalam melaksanakan Majlis Sulh ini juga, terdapat beberapa peruntukan perundangan dan pekeliling yang perlu dirujuk bersama sebagaimana berikut:

- 1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 10/03)
- 2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 11/03)
- 3) Pekeliling Ketua Hakim Syarie (Kod Etika Pegawai Sulh dan Manual Kerja Sulh)
- 4) Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM)

Berikut adalah Arahan Amalan JKSM berkaitan pelaksanaan *Sulh*:

- i) Arahan Amalan No. 1/2000 (Kod Pendaftaran Kes) menyatakan bahawa mulai 1 Julai 2001, semua kes-kes Mahkamah Syariah hendaklah didaftarkan menurut Kod Pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual. Tujuan mengadakan kod pendaftaran ini adalah untuk: (Arahan Amalan No. 1/2000)
  - a) Memudahkan pengenalan kes-kes di Mahkamah.
  - b) Memudahkan penyediaan perangkaan.
  - c) Memudahkan Mahkamah menetapkan kes-kes untk dibicarakan.

Arahan Amalan No. 1/2000 ini juga menyatakan bahawa semua pertanyaan berkenaan dengan pelaksanaan Arahan Amalan ini hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (Arahan Amalan No. 1/2000)

- ii) Arahan Amalan JKSM No. 3/2002 (Pemakaian Sulh) menyatakan bahawa semua kes selepas didaftarkan, hendaklah dengan seberapa segera tidak melebihi 21 hari dirujuk kepada Pengerusi Majlis Sulh dengan memanggil pihak-pihak

- yang terlibat untuk sesi sulh/ penyelesaian damai dan sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dicatatkan dan dibacakan semula di hadapan pihak-pihak dan terus dipanjangkan kepada Hakim untuk direkodkan Perintah Persetujuan Bersama. Bagi kes yang gagal di peringkat ini, hendaklah terus ditetapkan tarikh perbicaraan setelah semua prosiding kes dipenuhi. Bagi maksud pemakaian sistem *sulh* ini ianya tidak terpakai ke atas kes-kes Pembubaran Perkahwinan dan Nasab. (Arahan Amalan JKSM No. 3/2002)
- iii) Arahan Amalan JKSM No. 7/2003 (Cara Menyimpan dan Melupuskan Catatan Pegawai Sulh) menyatakan bahawa cara menyimpan dan melupuskan catatan Pegawai Sulh dalam Majlis Sulh hendaklah mengikut Akta Arkib Negara 2003 dalam perkara Rekod Awam. (Arahan Amalan JKSM No. 7/2003).
  - iv) Arahan Amalan JKSM No. 8/2003 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh) menyatakan prosedur penyerahan Notis Sulh kepada pihak-pihak di dalam Majlis Sulh hendaklah mengikut prosedur penyerahan saman sebagaimana yang terdapat dalam Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri. Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003. (Arahan Amalan JKSM No. 8/2003).
  - v) Arahan Amalan JKSM No. 11/2005 (Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Merekodkan Sulh dan Persetujuan Bersama) telah bersetuju bahawa Mahkamah Rendah Syariah hendaklah merekodkan apa-apa terma Persetujuan Bersama dan/ atau Sulh tetapi tidak boleh mengendorskan dalam kes-kes yang mana bidang kuasanya adalah termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2005. (Arahan Amalan JKSM No. 11/2005).
  - vi) Arahan Amalan JKSM No. 15/2005 (Menggugurkan Nafkah 'Iddah, Mut'ah, Nafkah Anak dan Hadhanah dalam Perjanjian Persetujuan) bersetuju dan mengesahkan bahawa perjanjian-perjanjian persetujuan bersama atau perjanjian semasa Majlis Sulh tidak boleh menggugurkan hak-hak isteri yang belum disabitkan melalui talaq iaitu nafkah 'iddah dan mut'ah, dan hak anak iaitu hadhanah dan nafkah anak. (Arahan Amalan JKSM No. 15/2005).
  - vii) Arahan Amalan JKSM No. 4/2006 (Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh) menyatakan bahawa mana-mana perjanjian persetujuan Sulh tidak boleh dilaksanakan atau dikuatkuasakan tanpa terlebih dahulu memperolehi perintah Mahkamah. Jika kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengemukakannya kepada pihak-pihak untuk disahkan dan ditandatangani, selepas itu Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman persetujuan.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2006. (Arahan Amalan JKSM No. 4/2006).

- viii) Arahan Amalan JKSM No. 4/2011 (Kesan Perjanjian Persetujuan Sulh) mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berkaitan kesan perjanjian persetujuan Sulh yang menepati kehendak Hukum Syarak yang telah direkodkan, disahkan dan dijadikan perintah Mahkamah. Perintah persetujuan tersebut tidak boleh ditarik balik atau dirayu oleh mana-mana pihak. Arahan Amalan Bilangan 5 Tahun 2006 dimansuhkan. (Arahan Amalan JKSM No. 4/2011).
- ix) Arahan Amalan JKSM 2/2012 (Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan yang dibuat oleh Peguam Syarie atau Pihak-Pihak) bersetuju dan mengesahkan bahawa bagi kes-kes yang disertakan perjanjian penyelesaian/ persetujuan yang dibuat oleh peguam atau pihak-pihak tidak perlu dirujuk ke Majlis Sulh di peringkat Pendaftaran. Arahan Amalan ini juga hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No.1 Tahun 2010. (Arahan Amalan JKSM 2/2012)
- x) Arahan Amalan JKSM 1/2010 (Penentuan Kes Yang Perlu Dirujuk Ke Majlis Sulh Pada Peringkat Pendaftaran Kes) menyatakan bahawa kes-kes yang dinyatakan di bawah ini perlu dirujuk ke Majlis Sulh semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah. (Arahan Amalan JKSM 1/2010).

009 - Tuntutan Ganti rugi Pertunangan

016 - Tuntutan Muta'ah

017 - Tuntutan Harta Sepencarian

018 - Tuntutan Nafkah Isteri

019 - Tuntutan Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya

020 - Tuntutan Cagaran Nafkah

021 - Tuntutan Nafkah Eddah

.022 -Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah

023 - Tuntutan Tunggakan Naftah

024 - Tuntutan Nafkah Anak

025 - Tuntutan Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak

026 - Tuntutan Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak/Nafkah Anak

028 - Tuntutan Hadhanah

049 - Tuntutan Gantirugi Perkahwinan

059 - Tuntutan Hak Tempat Tinggal

060 - Tuntutan Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula

062 - Tuntutan Isteri Kembali Taat

063 - Tuntutan Mas Kahwin

## **Tuntutan dan Permohonan yang boleh dibuat di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan melalui Proses Sulh**

Terdapat 18 jenis tuntutan atau jenis kes sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Kes-kes yang dinyatakan ini perlu dirujuk ke Majlis Sulh semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah.

- 1) Gantirugi Pertunangan
- 2) Muta'ah
- 3) Harta Sepencarian
- 4) Nafkah Isteri
- 5) Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya
- 6) Cagaran Nafkah
- 7) Nafkah Eddah
- 8) Mengubah Perintah Nafkah
- 9) Tunggakan Nafkah
- 10) Nafkah Anak
- 11) Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak
- 12) Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak
- 13) Hadhanah
- 14) Gantirugi Perkahwinan
- 15) Hak Tempat Tinggal
- 16) Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula
- 17) Isteri Kembali Taat
- 18) Mas Kahwin

## **PROSEDUR KERJA SULH DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN**

Prosedur kerja Sulh adalah merupakan peringkat-peringkat perjalanan kes Majlis Sulh bermula daripada pendaftaran sehinggalah selesai kes tersebut di Mahkamah. Dalam menjalankan proses Sulh di Mahkamah, tugas dari aspek pengurusan kes Sulh yang dinamakan Prosedur Kerja Sulh yang tertumpu kepada tugas Pendaftar dan tugas dari aspek pengendalian Majlis Sulh oleh Pengerusi Majlis Sulh sama ada oleh Pendaftar atau Pegawai Sulh yang dilantik. Pegawai Sulh adalah merupakan mana-mana Pegawai Syariah yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie untuk menguruskan Majlis Sulh tersebut. (Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016)). Secara umumnya, kaedah-kaedah dan prosedur sulh telah diselaraskan pelaksanaannya di negeri-negeri. Penyelarasan ini telah memudahkan pentadbiran mahkamah bagi mengendalikan kes-kes yang di bawa ke mahkamah dan menyejajarkan penyelesaian kes-kes tersebut dengan baik dan berkesan.

### 1- Pendaftaran kes di Mahkamah.

Prosedur bagi pendaftaran kes di Mahkamah diikuti seperti biasa berdasarkan bidang kuasa Mal Mahkamah Syariah. Kedudukan Majlis Sulh ini sebenarnya mengambil sebahagian daripada kedudukan proses pra-perbicaraan seperti yang ditetapkan di dalam undang-undang. Sekiranya Majlis Sulh berjaya diselesaikan dan mencapai kata sepakat oleh pihak-pihak, maka sebarang penghakiman atas pengakuan atau persetujuan pihak-pihak boleh direkodkan oleh Mahkamah pada bila-bila masa tanpa adanya proses perbicaraan dijalankan dan begitu jugalah sebaliknya.

### 2- Penilaian samaada kes tersebut merupakan kes bicara atau kes sulh.

Pada peringkat ini, Pendaftar perlu menilai dan mengenalpasti sama ada kes tersebut adalah merupakan kes bicara atau kes sulh. Berdasarkan Jadual Kedua (Subkaedah 2(2), Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016), kes yang dikecualikan daripada proses *sulh* adalah seperti yang berikut:

- a) Pembubaran perkahwinan;
- b) Pengesahan kesahatarafan anak;
- c) Faraid;
- d) Kes ex-parte;
- e) Kes di mana proses pengantaraan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] telah dijalankan;
- f) Kes tempat di mana pihak yang satu lagi berada tidak diketahui atau tidak dapat dikesan oleh pemohon;
- g) Yang satu lagi itu bermastautin di luar Malaysia dan tidak mungkin berada dalam bidang kuasa mahkamah yang berkenaan itu dalam masa tiga bulan selepas tarikh permohonan itu;
- h) Pemohon membuktikan bahawa pihak yang satu lagi itu mengidap penyakit otak yang tidak boleh sembuh;
- i) Kes melibatkan pihak yang memerlukan penjaga ad litem; atau
- j) Pendaftar berpuas hati bahawa ada hal keadaan yang munasabah menyebabkan rujukan kepada suatu Majlis sulh menjadi tidak praktik.

### 3- Pengeluaran Notis Sulh.

Setelah Pendaftar mengenal pasti kes-kes Sulh, Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016) menyatakan bahawa:

Kaedah 6. Selepas menerima saman atau permohonan bagi apa-apa kausa tindakan di bawah Jadual Pertama, Pendaftar hendaklah —

- (a) dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan, menetapkan tarikh bagi pihak-pihak menghadiri *sulh*; dan
- (b) menyampaikan notis dengan menggunakan borang yang ditetapkan.

Notis Sulh perlu diserahkan kepada pihak Defendan secara serahan sendiri dalam tempoh 14 hari. Ini bertujuan memberi ruang secukupnya bagi pegawai Sulh menjalankan Majlis Sulh. Di samping itu juga, seandainya penyelesaian dapat dibuat secepat yang mungkin iaitu kurang dari tempoh tiga bulan tersebut, persetujuan itu boleh dibawa terus ke hadapan Hakim untuk diendorskan sebagai Perintah Penyelesaian Kes.

Kaedah 7 menyatakan bahawa Pegawai *Sulh* hendaklah menyelesaikan *sulh* antara pihak-pihak dalam tempoh 60 hari dari tarikh pendaftaran *sulh*. Dari segi perlanjutan masa pula, Kaedah 8 menyatakan bahawa mana-mana pihak boleh memohon kepada Mahkamah untuk melanjutkan tempoh *sulh* apabila tamat tempoh 60 hari. (Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016)).

#### **4- Penentuan Tarikh Sulh.**

Berdasarkan Arahan Amalan No. 3 tahun 2002 (Pemakaian Sulh), penetapan tarikh bagi kes sulh hendaklah dengan seberapa segera dibuat dalam tempoh 21 hari daripada tarikh pendaftaran. Dalam tempoh ini, Pengerusi Majlis Sulh hendaklah memanggil pihak-pihak yang terlibat untuk sesi Sulh atau penyelesaian damai. Ini disebabkan kedudukan tarikh pertama Majlis Sulh tersebut dianggap sebagai tarikh pertama bagi proses sebutan kes tersebut. Bagi kes yang gagal di peringkat ini, tarikh perbicaraan hendaklah terus ditetapkan setelah semua prosiding kes dipenuhi. (Arahan Amalan No. 3 tahun 2002).

#### **5- Pengeluaran Notis Sulh bagi memastikan kehadiran pihak-pihak.**

Setelah Pendaftar menetapkan tarikh Majlis Sulh, Notis Sulh hendaklah dikeluarkan dan diserahkan mengikut kaedah serahan Saman (Arahan amalan JKSM 8/2003) bagi memastikan kehadiran pihak-pihak pada tarikh dan waktu tersebut, termasuklah isu Saman Luar Bidangkuasa. Prosedur penyerahan Notis Sulh kepada pihak-pihak di dalam Majlis Sulh hendaklah mengikut prosedur penyerahan saman sebagaimana yang terdapat di dalam Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri (Arahan amalan JKSM 8/2003).

## 6- Kehadiran Pihak-pihak ke Majlis Sulh.

Berdasarkan Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016), sulh akan dibuat dalam Majlis khusus dengan kehadiran pihak-pihak.

Kaedah 9. Tatacara sulh

- (1) *Sulh* hendaklah dijalankan dalam suatu Majlis *Sulh* yang dihadiri oleh pihak-pihak kepada kausa tindakan itu.
- (2) Tiap-tiap pihak hendaklah hadir ke Majlis *Sulh* sendiri tanpa Peguam Syarie atau mana-mana pihak lain kecuali dengan keizinan pihak-pihak kepada kausa tindakan itu.

Dapat difahami daripada kaedah di atas hanya pihak-pihak sahaja yang hadir di hadapan Pengerusi tanpa wakil atau Peguam Syariannya (jika ada) dalam Majlis Sulh, kecuali dengan kebenaran Pengerusi. Tujuannya adalah untuk memberikan ruang yang lebih luas kepada pihak-pihak untuk berbincang secara bersemuka dan terbuka.

Perkara yang paling penting adalah perbincangan dan perundingan di antara pihak-pihak dan berjalan secara terpinpin atas amanah untuk membantu menyelesaikan pertikaian oleh Pengerusi bagi mengelakkan perbincangan menyimpang jauh daripada isu yang ingin diketengahkan atau didominasi di sebelah pihak sahaja. Dalam proses inilah Manual Kerja Sulh akan dimanfaatkan oleh Pengerusi.

Dari segi perjalanan Majlis Sulh, Kaedah 10 Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016) menjelaskan:

10. (1) Majlis *Sulh* boleh dijalankan mengikut tatacara yang berikut:
  - (a) Penyataan pembukaan oleh Pegawai *Sulh* berkenaan—
    - (i) matlamat dan objektif *sulh*;
    - (ii) tatacara dan peraturan *sulh*;
    - (iii) kerahsiaan komunikasi dan perkara yang dibincangkan dalam Majlis *Sulh*; dan
    - (iv) Pegawai *Sulh* tidak boleh dipanggil dalam mana-mana prosiding Mahkamah berkenaan dengan kes yang menjadi hal perkara *sulh* itu.
  - (b) Penghujahan awal oleh pihak-pihak yang bertikai dengan mengemukakan—

- (i) perkara yang dipertikaikan;
  - (ii) kesan dan akibat pertikaian itu; dan
  - (iii) cadangan penyelesaian.
- (c) Perbincangan bersama antara pihak-pihak yang bertikai dengan Pegawai *Sulh* untuk mencapai persetujuan;
- (d) Sidang tertutup (kaukus) di mana Pegawai *Sulh* mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak secara berasingan jika perbincangan bersama di perenggan 10(1)(c) tidak boleh diadakan atau jika difikirkannya perlu; dan
- (e) Perundingan bersama selanjutnya di mana Pegawai *Sulh* mengadakan perbincangan bersama antara pihak-pihak untuk mencapai penyelesaian secara terbaik-baik dan sukarela.
- (2) Proses di perenggan 10(1)(c), (d) dan (e) boleh diulangi sekiranya *sulh* itu masih dalam tempoh 60 hari atau Pegawai *Sulh* yakin penyelesaian secara terbaik-baik boleh dicapai.
- (3) Semasa perjalanan Majlis *Sulh*, Pegawai *Sulh* hendaklah menentukan —
- (a) isu dan perkara yang dipertikaikan;
  - (b) kedudukan pihak-pihak yang bertikai;
  - (c) kepentingan pihak-pihak;
  - (d) opsyen penyelesaian; dan
  - (e) perjalanan *sulh* mengikut Hukum Syarak dan mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan.

## 7- Keputusan Majlis Sulh

Setelah Majlis Sulh selesai barulah keputusan kes yang melalui Majlis Sulh itu ditetapkan sama ianya berakhir dengan pihak-pihak dapat berjaya menamatkan Majlis Sulh dengan penyelesaian tuntutan atau sebaliknya.

### i) Majlis Sulh berjaya

Sekiranya Majlis Sulh berjaya, sebarang persetujuan yang dicapai secara sebahagian atau keseluruhannya akan dibawa di hadapan Hakim untuk direkodkan sebagai perintah Mahkamah. Sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Persetujuan (Perjanjian Penyelesaian) yang ditandatangani oleh pihak-pihak dihadapan Pengerusi di dalam Majlis Sulh akan dibawa di hadapan Hakim untuk direkodkan sebagai Perintah Mahkamah sesuai dengan Kaedah 11 Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016).

## Perjanjian penyelesaian

11. (1) Sekiranya pihak-pihak secara sukarela bersetuju untuk menyelesaikan —
- (a) semua tuntutan dalam pertikaian itu, Pegawai *Sulh* hendaklah menyediakan draf perjanjian penyelesaian yang mengandungi semua tuntutan dalam pertikaian itu;
  - (b) sebahagian tuntutan dalam pertikaian itu dan menggugurkan tuntutan lain, Pegawai *Sulh* hendaklah menyediakan draf perjanjian penyelesaian yang mengandungi perkara yang dipersetujui sahaja; atau
  - (c) sebahagian tuntutan dalam pertikaian itu dan masih terdapat tuntutan lain dalam pertikaian itu —
    - (i) Pegawai *Sulh* hendaklah menyediakan draf perjanjian penyelesaian yang mengandungi perkara yang dipersetujui sahaja; dan
    - (ii) berkenaan dengan tuntutan yang masih dalam pertikaian, jika masa untuk *Sulh* telah tamat atau jika ia masih dalam tempoh masa 60 hari dan pihak-pihak enggan untuk meneruskan *sulh*, Pegawai *Sulh* hendaklah merujuk perkara itu kepada Pendaftar untuk perbincangan di Mahkamah.

## Penghakiman atas pengakuan atau persetujuan

12. (1) Jika pihak-pihak telah mencapai persetujuan, Pegawai *Sulh* hendaklah—
- (a) menyediakan suatu perjanjian penyelesaian menggunakan borang yang ditetapkan dan mengemukakan kepada pihak-pihak bagi pengesahan dan tandatangan mereka; dan
  - (b) mengemukakan perjanjian penyelesaian itu dan laporan menggunakan borang yang ditetapkan kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai suatu penghakiman pengakuan atau persetujuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut seksyen 131 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 [*Enakmen No. 14/2003*].
- (2) Pegawai *Sulh* hendaklah memastikan bahawa perjanjian penyelesaian itu tidak mengandungi apa-apa terma yang bertentangan dengan Hukum Syarak dan mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan.

Kaedah di atas menyatakan sekiranya kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, Pengerusi hendaklah menyediakan suatu draf persetujuan dan mengemukakannya kepada pihak-pihak untuk disahkan dan ditandatangani

oleh mereka dan, selepas itu, Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan itu kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai suatu penghakiman atas pengakuan atau persetujuan.

ii) Majlis Sulh Gagal.

Sekiranya Majlis Sulh gagal, baik sebahagian atau keseluruhannya, ia akan dibawa kepada proses sebutan dan perbicaraan kes sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kaedah 14 Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016)

Laporan kegagalan penyelesaian

14. Jika perundingan itu tidak dapat diselesaikan dalam suatu Majlis *Sulh*, Pegawai *Sulh* hendaklah melaporkan perkara itu kepada Mahkamah dalam borang yang ditetapkan.

## 8. Penamatan Majlis Sulh

Kedah 13, Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016) menyatakan bahawa, sesuatu Majlis *Sulh* hendaklah tamat apabila—

- (a) Pegawai Sulh menarik diri daripada Majlis Sulh itu dengan keizinan Ketua Hakim Syarie;
- (b) mana-mana pihak menarik diri daripada Majlis Sulh itu;
- (c) mana-mana pihak tidak hadir dalam Majlis Sulh; atau
- (d) mana-mana pihak mati atau tidak berupaya.

Sekiranya perundingan tidak dapat diselesaikan dalam suatu Majlis Sulh, Pegawai Sulh hendaklah melaporkan kepada Mahkamah melalui borang yang telah ditetapkan.

## KESIMPULAN

Allah SWT telah mensyariatkan sulh sebagai jalan penyelesaian terbaik dalam penyelesaian konflik. Namun syariat ini perlulah diterjemahkan oleh manusia di dalam bentuk prosedur dan perundangan supaya ianya dapat dilaksanakan secara sistematik dan teratur. Prosedur atau peraturan ini juga sewajarnya berkembang dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memenuhi tuntutan dan keperluan semasa masyarakat Islam khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan. Sebagai memenuhi tuntutan dan keperluan ini, penulis mendapati bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan telah berusaha membangunkan kaedah yang

komprehensif dan sistematik bagi memandu pelaksanaan kes-kes sulh. Manual dan Kaedah Tatacara Sulh yang dibangunkan memberikan garis panduan dan standard yang jelas dalam mengendalikan kes-kes sulh dari awal sehinggalah ianya tamat.

## PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah merupakan hasil penyelidikan di bawah skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertajuk "The Challenges of Syariah Court Annexed Mediation in Negeri Sembilan" (Kod Penyelidikan: PPPI/TAMHIDI/0019/051000/17919). Kumpulan Penyelidik merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia di atas pembiayaan yang diberikan.

## RUJUKAN

- Kamal Halili Hassan. 2010. Kertas kerja: Peranan Konsiliasi, Mediasi dan Timbang Tara dalam Penyelesaian Pertikaian Perusahaan: Pendekatan Islam dan Sivil. *Seminar Syariah dan Undang-Undang Peringkat Kebangsaan (SYUK) 2010* pada 2 hingga 3 November 2010 bertempat di Fakulti Syariah & Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia. Anjuran Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM.
- Mustafa al-Khid et al. 2013. *Al-Fiqh al-Manhajiy ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Jilid 2. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Norman Zakiyy Chow Jen-T'chiang. 2010. *Court -Annexed Mediation in Resolving Disputes Relating to Family in Malaysia: What we need to know before we go forward*. Malaysian Journal of Syariah and Law. Vol. 2. Nilai: Faculty of Syariah & Law
- Norzulaili Mohd Ghazali & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2006. *Nusyuz, Shiqaq dan Hakam Menurut Al-Quran, Sunah dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman. (2000). Sulh dan Hakam dalam Undang-Undang Keluarga Islam. Dlm. Abdul Munir Yaacob (pnyt.). *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara Asean*. Cetakan ke-2. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. <https://jksns.ns.gov.my/en/perkhidmatan/sulh-mediation> (diakses pada 28 Julai 2021).
- Arahan Amalan 2015 (Penyeragaman Proses Kerja dan Carta Aliran Sulh di JKSNS/MSN seluruh Malaysia). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000 (Kod Pendaftaran Kes). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

- Arahan Amalan No. 11 Tahun 2005 (Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Merekodkan Sulh dan Persetujuan Bersama). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006 (Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 4. Tahun 2011 (Kesan Perjanjian Sulh). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 5 Tahun 2015 (Penyerahan Notis Sulh secara Akuan Penerimaan Pos Berdaftar (A.R. Registered). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 7 Tahun 2003. (Cara Menyimpan dan Melupuskan Catatan Pegawai Sulh). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No. 8 Tahun 2003 (Prosedur Penyerahan Nostis Sulh). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No.1 Tahun 2010 (Penentuan Kes yang perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada Peringkat Pendaftaran Kes). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Arahan Amalan No.3 Tahun 2002. Pemakaian Sulh. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 10/03).
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 11/03).
- Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016).
- Pekeliling Ketua Hakim Syarie (Kod Etika Pegawai Sulh dan Manual Kerja Sulh).